



## KENYATAAN MEDIA

### RPDR-PKPP BOLEH MEMBUAT PULANGAN SEMULA “EARNEST SUM”

**PETALING JAYA, 4 September 2020** – Pihak pengurusan Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd (RPDR-PKPP) ingin memberi jaminan kepada pekebun haram yang telah mendaftar untuk skim pemutihan bahawa pihak syarikat akan memenuhi janji untuk memulangkan semula wang “Earnest Sum” yang dikutip dari pihak pekebun haram jika mereka mengambil keputusan untuk menarik diri dari skim pemutihan tersebut.

1. Hari ini, 4hb September 2020 (Jumaat), seramai 14 pekebun haram telah memohon untuk menarik diri dari skim pemutihan dan meminta pulangan semula wang Earnest Sum yang telah dibayar. Permohonan ini sedang diproses dan pembayaran semula akan dibuat dalam tempoh 5 hari bekerja mulai hari ini.
2. Demi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang menyarankan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, dan larangan terhadap perhimpunan orang ramai, maka pejabat RPDR-PKPP hanya boleh menerima enam (6) orang pemohon dalam satu masa.
3. Pihak RPDR-PKPP ingin menekankan bahawa wang Earnest Sum yang diterima BUKANLAH bayaran untuk permit masuk. Wang Earnest Sum ialah bayaran deposit sebagai tanda berminat untuk menyertai skim pemutihan.

---TAMAT---

#### **Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd (RPDR-PKPP)**

RPDR-PKPP ditawarkan dan menerima mandat oleh Kerajaan Negeri Pahang pada bulan Jun 2020 melalui Perbadanan Setiausaha Negeri Pahang (PSK), untuk melaksanakan cadangan skim pengesahan pendudukan untuk mengatasi masalah pertanian haram di daerah Raub dan untuk membendung pencerobohan tanah yang berpanjangan.

#### **Kontak media:**

Cynthia Lee (+6016-9342 949)  
Managing Partner  
Citrine One Sdn Bhd  
Email: [cynthia@citrineone.com](mailto:cynthia@citrineone.com)